

19 JUL 2002

Penuntut-Mahathir

PENUNTUT ASING SERTAI PERSEMBAHAN "SATU BANGSA KASIHI SEMUA"

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Kira-kira 300 penuntut asing dari 25 kolej di Lembah Klang akan mengambil bahagian dalam persembahan "Satu Bangsa Kasihi Semua" sempena 21 tahun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memimpin Malaysia, di Stadium Nasional Bukit Jalil, pada 27 Julai ini.

Anggota Majlis Persatuan Kolej Swasta Malaysia (MAPCO) Professor Ong Kok Hai berkata para penuntut itu, yang akan memakai pakaian kebangsaan masing-masing, akan bersama-sama penuntut tempatan membuat persembahan pada majlis Sepetang Bersama Perdana Menteri itu.

"Malaysia ialah pusat kecemerlangan pendidikan dan para penuntut ini genbira dapat belajar di sini dan mahu turut sama meraikan majlis Sepetang Bersama Perdana Menteri sebagai menunjukkan penghargaan mereka kepada pemimpin kita," katanya selepas majlis taklimat media mengenai persembahan itu di sini, hari ini.

Ong berkata pada masa ini, MAPCO dianggotai 32,000 penuntut asing dari 15 negara termasuk Indonesia, Myanmar, Nigeria, Jepin dan Pakistan.

Beliau berkata majlis itu bertujuan menghimpunkan semua lapisan masyarakat negara ini bagi menunjukkan penghargaan kepada Dr Mahathir kerana memimpin Malaysia hingga mencapai kejayaan.

"Ini adalah peluang bagi meraikan perpaduan, kepelbagaian dan keunikan kita sebagai rakyat Malaysia," katanya.

Sementara itu, pengerusi jawatankuasa penganjur majlis itu K. H. Chia berkata dengan membeli tiket berharga RM2 untuk menyaksikan persembahan itu, orang ramai akan berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik dalam acara cabutan bertuah yang menawarkan hadiah bernilai RM350,000 termasuk sebuah kondominium di Bukit Jalil, kereta Nissan 1.5 Sentral dan Proton Perdana V6.

Chia berkata kutipan daripada jualan tiket itu akan disumbangkan kepada Yayasan AIDS Malaysia dan Majlis kanser Nasional (MAKNA).

-- BERNAMA

LIB HS NAK